ISC nasihat Lembaga

BERITA HARIAN 0 4 MAR 2010 AOB mahu daftar 100 firma audit, 340 juruaudit

Oleh Zainab Mohd Yatim zmy@bharian.com.my

URUHANJAYA Sekuriti (SC) menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan (ISC) yang akan memberikan nasihat dan panduan kepadanya untuk memulakan operasi Lembaga Pengawasan Audit (AOB).

Pengarah Eksekutifnya, Goh Ching Yin, berkata ISC dianggotai wakil dari Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

"Tugas awal AOB bermula dengan strategi pendaftaran membabitkan lebih 100 buah firma audit dan lebih 340 juruaudit, yang akan menyediakan asas bagi pemeriksaan AOB dan aktiviti penguatkua-

"Ia kemudian akan diteruskan dengan program pengawasan bagi memastikan peranan AOB memenuhi mandat yang diberikan kepadanya,' katanya pada perasmian Seminar AOB dan Dimensi Etika anjuran di Kuala Lumpur, semalam.

Seminar sehari dihadiri lebih 250 peserta terdiri daripada akauntan, peneraju korporat dan ahli akademik itu dianjurkan bersama oleh MIA, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Yayasan Pen-



la kemudian akan diteruskan dengan program pengawasan bagi memastikan peranan AOB memenuhi mandat yang diberikan kepadanya"

> Goh Ching Yin Pengarah Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti

didikan dan Penyelidikan Akauntan Malaysia (Maref).

AOB yang dicadangkan penubuhannya dalam Bajet 2008 dengan mandat kawal selia diletakkan di bawah SC, bertujuan meningkatkan kerja pengawasan audit di Malaysia bagi meningkatkan keyakinan pelabur awam

menerusi kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan oleh pihak juru audit atau akauntan.

Penubuhannya diperuntukkan mengikut Akta Pindaan Suruhanjaya Sekuriti 2010, yang diluluskan Disember tahun lalu.

Laporan sebelum ini menyebut, penubuhan AOB antara lain memberi kuasa kepadanya untuk mengenakan denda hingga RM500,000 terhadap juruaudit yang gagal memenuhi standard yang ditetapkan, selain menyiasat dan mengendalikan pertanyaan terhadap juru audit serta menghalang akauntan yang gagal mematuhi syarat amalan terbaik seperti yang ditetapkan.

Goh berkata, fasa selanjutnya bagi penubuhan AOB adalah mendorong firma audit mengembangkan perkhidmatan masing-masing di peringkat antarabangsa memandangkan ada daripada firma audit tempatan sudah memulakan jalinan usaha sama dengan syarikat asing di luar negara.

Sementara itu, Presiden MIA, Abdul Rahim Abdul Hamid, menyarankan firma audit pelbagai saiz supaya mematuhi peraturan Standard Dalaman Dalam Kawalan Kualiti (ASQC1) apabila AOB memulakan operasinya

kelak.

BERNAMA MEDIA RELATIONS AND EVENT MANAGEMENT